

KEPENTINGAN INDIVIDU: MENGUPAS SIFAT PERSONA

MUHAMMAD HAJI SALLEH PADA ERA 70-an

***IMPORTANCE OF THE INDIVIDUAL: UNCOVERING
ASPECTS OF MUHAMMAD HAJI SALLEH'S 70S PERSONA***

RAIHANAH M.M.

RUZY SULIZA HASHIM

SHAHIZAH HAMDAN ISMAIL

ABSTRAK

Perbincangan ini memberikan satu analisis kritis bacaan koleksi puisi awal Muhammad Haji Salleh, *Time and its people* (1978) untuk mengupas sifat persona yang ditonjolkan. Hipotesis awal adalah bertitik tolak dari mula kesimpulan yang dibuat dalam perbincangan lain yakni persona dilihat dari sudut kontinum hubungkait budaya iaitu satu kutub kontinuum dirujuk sebagai orientasi budaya individu atau ‘abstrak’ dan kutub yang lain pula ditermakan sebagai orientasi budaya komuniti atau ‘konkrit’ (Raihanah Mohd Mydin & D’Cruz, 2003). Idea orientasi budaya bercorak individu dan komuniti adalah asas perbincangan J V D’Cruz dan William Steele (2000) melalui teori kontinum hubungkait. Artikel ini menerapkan kerangka kontinum dengan menekankan aspek sifat individu dalam persona tersebut. Hasil dari garapan ini, persona dalam puisi Muhammad Haji Salleh menunjukkan tiga aspek diri iaitu pertamanya, harga diri; kedua, kesedaran diri, dan ketiga, agensi diri. Berdasarkan klasifikasi begini, jelaslah persona awal dalam puisi awal Muhammad Haji Salleh bukan saja berorientasi individu malah mempunyai harga diri, kesedaran diri dan agensi diri yang jitu.

Kata kunci: budaya individu, harga diri, kesedaran diri, agensi diri, Muhammad Haji Salleh.

ABSTRACT

This discussion provides a critical analysis in the reading of early poetry by Muhammad Haji Salleh entitled *Time and its people* (1978) to explore the nature of the persona. Initial hypothesis is based on a previous reading of the persona from the standpoint of the relational cultural continuum in which one pole of the continuum is referred to as the individual cultural orientation or ‘abstract’ and the other pole as communal cultural orientation or ‘concrete’ (Raihanah Mohd Mydin & D’Cruz, 2003). The relational continuum is the principle of individual-based and communal-based cultural orientation by JV D’Cruz and William Steele (2000). This paper sets out to foreground the relational continuum by emphasizing the aspect of individual character in the persona. The results of this discussion show that the persona in the poems of Muhammad Haji Salleh demonstrates three aspects of the self; first, self-esteem, second, self-consciousness, and third, self agency. With this classification, it is clear that the early persona of Muhammad Haji Salleh is not only oriented towards individual-based culture, but more significantly, the self exhibits high levels of self-esteem, self consciousness and self agency.

Keywords: individual culture, self esteem, self awareness, agency, Muhammad Haji Salleh.

Pengenalan

Perbincangan ini berkisar analisis kritis bacaan koleksi puisi awal Muhammad Haji Salleh, *Time and its people* (1978) untuk mengupas sifat persona yang ditonjolkan dalam karyanya. Koleksi sajak ini merupakan koleksi istimewa kerana setelah terbitnya penulisan ini, beliau tidak lagi berkarya dalam bahasa Inggeris kecuali terjemahan puisi dan penulisan makalah yang diterjemahkan sendiri di dalam

bahasa Inggeris. Penonjolan persona dalam karya terawalnya pastinya menunjukkan identiti Melayu yang menarik kerana watak-watak yang mencorakkan sajak Muhammad melalui proses kematangan. Dalam makalahnya bertajuk “Chronicles of the Traveller in Muhammad Haji Salleh’s Time and Its People”, Noraini Md. Yusof (2003) menghuraikan aspek “si pengembara” yang mengambil pengajaran dari pengembaraannya, yang dikaji dari aspek pengembaraan fizikal dan pengembaraan mental. Artikel ini mempunyai perspektif yang berbeza dengan memanjangkan perbincangan awal (lihat Raihanah Mohd Mydin & D’Cruz, 2003) yang mengambil kira sifat sebenar individu dalam penulisan awal Sasterawan Negara ini melalui kacamata kerangka identiti budaya. Penekanan akan diberi kepada budaya individu yang ditonjolkan oleh Muhammad termasuk aspek harga diri (‘self esteem’), kesedaran diri (‘self awareness’) dan agensi diri.

Koleksi puisi Muhammad seperti ‘Si Tenggang II’ memang menunjukkan identiti Melayu yang jauh berbeza dengan kelaziman nilai masyarakat Melayu. Zawiah Yahya (2003) dalam kajiannya mengenai Si Tenggang bertajuk “Si Tenggang’s Homecoming: Negotiating Tradition and Modernity” mengupas bagaimana watak Si Tenggang mengimbangi tuntutan tradisi dan desakan kemodenan yang dilihat menggoyah jati diri Melayu. Kajian Ruzy Suliza Hashim (2010) bertajuk “Exploring the Myth of the Prodigal Son in Malaysian-Singaporean Literature: The Case of Three Poets,” menyorot penggarapan watak Si Tenggang sebagai anak Melayu yang lazimnya dilihat sebagai anak derhaka tetapi digambarkan semula oleh Muhammad Haji Salleh sebagai perantau yang cuba mengubah nilai-nilai Melayu yang tidak membawa kepada pembangunan komuniti Melayu. Oleh itu, dalam penghasilan puisi Muhammad selepas penerbitan *Time and Its People* lebih ketara pengubahan paradigma tingkah laku dan tutur kata watak-watak yang mewarnai karyanya.

Orientasi Komuniti Yang Kurang Jelas Dalam Koleksi *Time and Its People*

Antologi, *Time and Its People*, sajak-sajak awal Muhammad Haji Salleh (1978), dibahagikan kepada empat tema penting iaitu “waktu/masa dan manusia”, “hanya untuk kita”, “rumah dan kampung”, dan akhirnya, “stesen diselubungi salji”. Walaupun persekitaran yang digambarkan berbeza-beza yakni sama ada di desa ataupun di kota, di dalam atau di luar negara, namun persona yang diutarakan mempunyai watak yang serupa iaitu seorang yang agak individualistik (lihat Raihanah Mohd Mydin & D’Cruz, 2003).

Mengenai isu label individu atau komunal, Muhammad pernah disoal dalam sebuah wawancara mengenai label puisi komunal (Fadillah Merican, 2003) yang diberi kepada penghasilan puisinya. Jawapan penyair ini menonjolkan kepekaannya terhadap label penulis yang mementingkan individu atau komuniti Muhammad menyatakan bahawa puisinya adalah berpusatkan komuniti memandangkan dia menulis sebagai seorang Melayu dan penulisannya adalah mengenai komuniti yang dikenalinya. Walaubagaimanapun, Muhammad juga menjelaskan kepentingan individu dalam sesetengah puisi awalnya (Fadillah Merican, 2003). Menyentuh mengenai puisi awal Muhammad, Raihanah Mohd Mydin dan Vin D’Cruz (2003) mengupas koleksi tersebut dengan menonjolkan kepentingan “imaginary home” atau “kediaman khayalan” dalam penulisan makalah ‘The Cosmopolitanism of an Early Muhammad Haji Salleh and the Quest for a Foundational Imaginary Home’.

Raihanah dan D’Cruz membuat kesimpulan berdasarkan penelitian koleksi awal Muhammad Haji Salleh yang menonjolkan kepentingan individu daripada komuniti sehingga hubungan antara persona dan orang lain nampak samar dan terpinggir. Di samping itu, persona Muhammad dalam koleksi tersebut menonjolkan kepentingan kosmopolitan lebih dari kepentingan budaya pedalaman yang

digambarkan oleh Edwin Thumboo (1978) dalam pengenalannya. Muhammad Haji Salleh, seperti yang dilihat dalam Pengenalan koleksi puisi *Time and Its People*, lazim diinterpretasi sebagai penjelmaan budaya kampung. Thumboo (1978: xii) secara jelasnya mengetengahkan Muhammad sebagai pujangga berjiwa kampung. Walau bagaimanapun, Raihanah dan D'Cruz (2003) mengkategorikan Muhammad Haji Salleh sebagai seorang Melayu moden yang yang tidak jerih menggarap landskap kampung untuk muncul semula sebagai individu kosmopolitan. Namun apa yang tidak jelas dibincangkan di dalam makalah tersebut adalah perincian sifat-sifat individu yang dipertengahkan oleh Muhammad melalui penutur atau persona yang mewarnai lanskap puisinya.

Budaya Individu Dan Budaya Komuniti

Hubungan sesama manusia adalah asas interaksi antara manusia. Seperti yang dinyatakan oleh Martin Buber (1988), dialog antara manusia adalah asas untuk kehidupan. Dialog mewujudkan pentas untuk individu mengabsahkan identiti mereka dalam masyarakat. Dialog juga dapat mendedahkan identiti sebenar seseorang individu itu kepada orang lain. Melalui pertolongan yang diberi kepada kita dan penerimaan bantuan oleh kita, seseorang itu dapat belajar melibatkan orang lain dalam mencorak kehidupan dirinya. Perkara yang sama juga diketengahkan oleh teoris budaya lain termasuk K. Anthony Appiah (2000) yang membicarakan identiti menyeluruh sebagai kesenambungan dua dimensi - iaitu dimensi personal dan kolektif. Oleh yang demikian, pendekatan dialogik adalah penting dalam kewujudan dan pembangunan seseorang, sebagaimana Buber (1988) menyatakan pertumbuhan identiti seseorang terletak bukan sahaja di dalam hubungannya dengan dirinya sendiri, malah lebih dari itu, ia terletak dalam hubungannya dengan orang lain.

Walau bagaimanapun, toleransi dan penerimaan budaya yang

lain berbeza dalam setiap individu dan masyarakat. Kualiti yang dihargai oleh seseorang mungkin bertentangan dengan yang lain, sekali gus menyebabkan pergeseran di antara mereka. Perbezaan antara pelbagai budaya manusia secara jelas dikonsepsikan melalui kontinum hubungankait seperti yang diperkenalkan oleh J.V D'Cruz dan William Steel. D'Cruz dan Steel (2000) mencadangkan bahawa individu dan masyarakat mempunyai satu set ciri-ciri yang merencanakan pendekatan dan hubungan mereka kepada orang ramai.

Mengikut D'Cruz & Steele (2000) dua orientasi budaya - konkrit dan abstrak - dibawa bersama dan berada pada satu kontinum. Pada satu kutub kontinum tersebut adalah budaya konkrit yang mempunyai pendekatan yang lebih bercorak perkauman. Ini termasuk hubungan yang biasanya terbentuk melalui hubungan kekeluargaan dan adalah rangkaian hubungan bukan sukarela. Ada satu rasa kekitaan yang utuh dan kesetiaan kumpulan di dalam budaya seperti itu, yang menuntut bahawa individu bertolak ansur antara satu sama lain untuk mengekalkan harmoni di dalam kumpulan. Penekanan tentang hubungan kaum juga membenarkan kewujudan hierarki. Setiap ahli budaya konkrit menghormati dan menerima pihak berkuasa yang lain. Contoh hubungan hierarki pihak berkuasa adalah hubungan antara ibu bapa dan ahli keluarga. Dalam hubungan konkrit seorang individu tidak akan bertindak atas kehendaknya sendiri ketika berhadapan dengan krisis. Sebaliknya, dia akan mendapat sokongan daripada ahli-ahli yang lain. Satu aspek penting budaya konkrit adalah keperluan untuk melindungi orang lain daripada merasa malu. Malah apabila seseorang itu ditegur kesilapannya, ia akan dilakukan secara berhati-hati untuk memastikan airmukanya dan keluarganya terpelihara. Budaya ini menekankan kepentingan bersemuka di antara satu pihak dan pihak yang lain supaya keaiban dijauhkan.

Dikutub yang lain pula mempunyai ciri-ciri ini: mengutamakan hak individu daripada norma masyarakat serta mengutamakan pemilihan kumpulan secara bebas di mana ahli kumpulan bebas

meninggalkan kumpulan tersebut secara fleksibel. Orientasi budaya individu ini dipanjangkan kepada perasaan bahawa kewujudan dan identiti seseorang itu tidak bergantung kepada persekitarannya. Budaya ini juga memberi keutamaan kepada penggunaan bahasa yang terus terang dan tidak berlapik.

Perspektif orientasi budaya yang konkret dan abstrak menawarkan maklumat status dan ciri perhubungan antara manusia. Pada kutub konkret, terdapat sifat-sifat berkepentingan budaya komuniti seperti keahlian secara bersemuka dan semulajadi, dan pendekatan yang mementingkan toleransi dan penghormatan kedudukan setiap orang dalam kumpulan. Pada kutub abstrak pula, terdapat pendekatan individualistik yang membentangkan pembentukan hubungan sukarela yang berdasarkan pilihan bebas dan ketidak bergantungan kepada komuniti. Kontinum hubungkait ini membolehkan seorang individu untuk menekankan identiti dirinya sendiri sama ada pada orientasi budaya yang lebih konkret atau yang lebih abstrak, berdasarkan corak hidup dan hubungannya dengan persekitarannya. Persoalan pokok yang diketengahkan di dalam kertas ini adalah berkenaan sifat terperinci watak di dalam koleksi puisi Bahasa Inggeris Muhammad Haji Salleh *Time and its people* yang menunjukkan ciri-ciri individualistik yang membentuk keperibadiannya.

Untuk mengupas isu budaya individu dan budaya komuniti dalam puisi Muhammad, empat aspek seseorang individu telah dikenalpasti sebagai kerangka kerja definisi “keperibadian” (*personhood*; lihat Raihanah Mohd Mydin 2008) iaitu harga diri, kesedaran diri, agensi diri dan budaya abstrak. Untuk perbincangan mengenai aspek individu persona dalam koleksi puisi Muhammad Haji Salleh, hanya tiga aspek pertama akan digunakan memandangkan aspek keempat sudah dihuraikan dalam makalah sebelum ini (lihat Raihanah & D’Cruz 2003).

Tema kesedaran diri dalam koleksi *Time and its people*

Watak yang dihuraikan dalam koleksi ini melalui proses ‘penciptaan’ (*creation*) dan ‘penciptaan semula’ (*re-creation*). Proses pengenalan dan pengiktirafan mengambil watak ini keluar dari negaranya untuk mengalami “musim” baru dan secara tidak langsung, juga rumah baru (*new home*). Bahagian ini mencungkil isu kesedaran diri persona *Time and Its People* ke arah penemuan diri secara literal dan metafora.

Kesedaran diri, seperti yang didefinisikan oleh Don Locke (1992), mempertikaikan isu kesedaran dalam diri seseorang itu mengenai nilai-nilai dalam dirinya. Mengikut Locke (1992), seseorang itu akan lebih peka akan persekitarannya sekiranya ia sensitif terhadap nilai-nilai yang dipegangnya. Di dalam koleksi sajak-sajak awal Muhammad, watak dalam puisi seolah-olah mencari ketenangan dan keselesaan melalui kesedaran diri yang lebih daripada melalui hubungan interpersonal. Sebagai contoh, dia menuntut bahawa dia dapat mengenal dirinya dengan jelas dalam “gelap” (“in the dark”), dan imej yang dilihatnya dalam gelap memberinya penjelasan siapa dirinya sebenar. Oleh itu, dalam puisi “i’m going into the night” (61) atau “aku akan bergelapan,” watak “aku” secara literalnya sedang mencari identiti diri dalam kegelapan dan kesunyian malam.

*the lucid night keeps company
with its sharp silence,
claiming and disowning me.*

*standing there, where night becomes water
transience becomes the still permanence.
in the dark i recognise my shape.*

“i’m going into the night” (61)

Terjemahan oleh penulis

malam cerah menjadi teman
dengan diam yang menajam
menerima dan menyingkirku

Ku berdiri di sana, di mana malam menjadi air
fana menjadi kekal.
dalam gelap aku mengenali diri.

“aku akan kegelapan”

Air mempunyai kualiti yang telus serta berkeupayaan untuk membersihkan sesuatu. Namun air juga sebagai matafora boleh menjadi cermin yang memberi gambaran identiti seseorang. Dalam konteks puisi ini, walaupun protagonis itu berada dalam gelap, namun ketika itulah dia melihat dirinya dengan jelas. Kontras malam yang cerah, bukan malam yang kelam, serta sifat kesementaraan menjadi kekal merupakan simbol yang dipilih untuk menunjukkan dengan jelas identiti protagonis yang mencapai tahap epifani (epiphany). Secara kesimpulan, puisi ini memberi contoh tahap kesedaran diri yang ketara dalam watak koleksi *Time and its people*.

Tema harga diri dalam koleksi *Time and its people*

Koleksi ini tidak menonjolkan puisi yang menunjukkan penyerahan kefahaman diri melalui kehadiran orang lain. Dalam beberapa puisi termasuk “traveller” atau “pengembara”, watak “aku” kelihatan jelas menonjolkan kebolehannya memahami selok belok sesuatu tempat dengan sendirinya tanpa bantuan orang lain. Sebenarnya, persona seakan-akan menonjolkan keboleh percayaannya terhadap diri sendiri untuk mencipta peta bandar untuk pemahamannya mengenai bandar yang didiaminya. Namun, dalam sesuatu deskripsi, pembaca

harus peka kepada benda yang tidak nyata. Seperti yang disebut oleh Pierre Macherey (1978) untuk mengenali isi kandungan sesuatu cerita yang disampaikan, pembaca wajar sensitif kepada “absences” yakni lompong- lompong yang secara sengaja atau tidak sengaja yang memang hadir di dalam mana-mana penghasilan sastera. Dalam konteks ini, persona dalam koleksi ini menunjukkan kehandalannya dalam menyediakan peta tersebut walaupun di satu pembacaan yang lain pula, watak ini mungkin menunjukkan keterasingannya dengan masyarakat tempatan. Namun, watak ini lebih terdorong untuk menggunakan kekuatan diri untuk mencari arah walaupun dalam keadaan genting. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa persona mempunyai ikhtiar berdikari dan mempunyai harga diri yang agak tinggi.

Harga diri seperti yang didefinisikan oleh Arto Laitinen (2003) menonjolkan kebolehan untuk mengenalpasti potensi diri sendiri. Puisi “traveller” atau “pengembara” (28) menggambarkan harga diri yang tinggi. Muhammad menggunakan metafora bandar sebagai satu batu loncatan untuk watak itu menampilkan kebolehannya mengenali potensi diri untuk memeta perjalanan hidup tanpa pertolongan orang lain. Seterusnya, dia menyedari bahawa untuk mencari rumah atau “home” dia perlu berada di sesuatu tempat di mana dia dianggap sebagai “manusia” dan memutuskan untuk melakar peta untuk mencari tempat tersebut. Yang dimaksudkan disini adalah kebolehan persona mengenali harga dirinya juga membantunya mengenali apa itu “manusia” dalam dirinya.

someday, i shall work out

a map of this city

and traverse it on foot.

...

some night, in the city’s snores

i shall walk my map

there i know i am man.

“traveller” (28)

Terjemahan oleh penulis

suatu hari nanti, aku akan melakar
peta bandar ini
dan merentasi dengan berjalan kaki.

...

Pada waktu malam, ketika bandar ini dibuai mimpi
Aku akan mengembara dengan petaku
di situ, aku mengenali diriku manusia.

“Pengembara” (28)

Puisi ini menggambarkan bagaimana persona dengan sendirinya mendapat arah tujuan dalam suasana tempat yang baru dan janggal berpandukan kekuatan dirinya sendiri. Walaupun beliau terasing dari komuniti, namun dia tidak merasa putus asa. Sebagai contoh dalam puisi “i waited” (“aku menunggu”), watak “aku” menerima hakikat bahawa dia tidak dapat bergantung kepada orang lain untuk keselesaan dan ketenangan diri. Seperti katanya, “i am man now,/ waiting for no one/ but myself.” (“aku manusia, / menunggu bukan untuk sesiapa / hanya untuk diriku sendiri.”) (40). Frasa “i am man now” (aku manusia) merujuk kepada keutuhan kewujudannya, dan keutuhan ini dicapainya melalui usaha sendiri, bukan melalui orang lain. Dalam terjemahan kedua-dua sajak yang dibincangkan di atas, “man” diterjemahkan sebagai “manusia” dan bukan “lelaki” memandangkan aspek gender bukan persoalan utama di dalam makalah ini. Aspek gender mungkin boleh dihuraikan di dalam makalah yang akan datang.

Tidak semua puisi Muhammad Haji Salleh berkisar mengenai individu. Seperti yang disebut dalam pengenalan antologi ini, antara

tema koleksi adalah ‘hanya kita’. Dalam bahagian itu, penyair menonjolkan dialog di antara watak “aku” dan seseorang. Di dalam puisi “traveller” atau “pengembara” pula, persona menghuraikan kehendaknya untuk diterima secara total. Watak itu juga menyuarakan keperluan untuk disayangi. Namun harga dirinya agak jelas ditunjukkan bila dia mengutarakan kerana kasih sayang ini harus diberi mengikut terma watak itu sendiri, yakni “semasa aku boleh menerimanya”. Hal ini seterusnya menunjukkan keutamaan terhadap harga dirinya.

give me love while i can take it
take me whole if you will,
here, i know, there can be no home.
...
i must go where i am man.
“traveller” (28)

Terjemahan oleh penulis

beri aku kasih sayang semasa aku boleh menerimanya
terima aku secara lengkap jika kau mahu,
di sini, aku tahu, tiada rumah buatku.
...
aku mesti pergi di mana aku manusia.

“Pengembara” (28)

Apa yang penting ditekankan di sini adalah walaupun watak “aku” bertekad untuk memahami harga dirinya sendiri, dia kurang menonjolkan penghargaan kasih sayang dari orang lain. Ini juga menonjolkan orientasi budaya individu persona ini. Seperti yang dibincangkan oleh D’Cruz dan Steele (2000), orientasi budaya individu lebih mengutamakan perhubungan individu dengan dirinya sendiri berbanding dengan hubungan individu dengan individu yang lain.

Tema agensi diri dalam koleksi *Time and its people*

Agensi diri, seperti yang didefinisikan oleh ahli teoris agensi diri menonjolkan ikhtiar seseorang di mana berlakunya perubahan tingkahlaku (Dissanayake, 1996; Smith, 1994). Watak *Time and Its people* amat peka terhadap keperluannya dan dengan demikian dia dapat mengubah perjalanan hidupnya demi kepentingan peribadi. Seperti yang dihuraikan dalam puisi ‘pengembara’ di atas, watak “aku” jelas mengenai hala tujunya dan perubahan yang perlu diambil demi harga dirinya. Seperti yang disebut dalam puisi itu, “i must go where i am man” (aku mesti pergi di mana aku manusia). Penyelesaian terhadap masalahnya sekiranya ia tidak dapat mengecapi rasa rumah (sense of home) adalah untuk pergi dari tempat itu. Tingkahlaku ini menonjolkan agensi diri yang positif. Seperti huraian Ruzy Suliza Hashim dan Shahizah Ismail Hamdan (2006), agensi diri merupakan keupayaan seseorang untuk membuat keputusan dalam situasi genting. Di dalam puisi ini, watak bertindak untuk berhijrah ke tempat di mana beliau dapat diiktirafkan kewujudannya, bukan di tempat di mana watak itu dipinggirkan. Tindakkan ini menunjukkan agensi diri yang ketara dalam persona.

Dalam satu lagi puisi “here” atau “disini”, watak “aku” jelas menonjolkan kesedaran diri dan mempunyai agensi diri dalam pemahaman destinasi hidupnya. Seperti katanya,

i am here, arrived before
the decision to come,
thinking on the road
of the return journey.

“here” (74)

Terjemahan oleh penulis

Saya di sini, tiba sebelum
keputusan diambil,
berfikir di jalanan
perjalanan pulang.

“Di sini” (74)

Dengan peluang untuk mengembara, watak dalam koleksi Muhammad mendapati dirinya sentiasa berhadapan dengan keadaan baru yang terasa keterasingannya. Dalam menghadapi situasi seperti itu, dia mengenali dengan lebih jelas tentang dirinya. Dalam keadaan ini kesedaran dan agensi jelas ditunjukkan oleh persona melalui baris “thinking on the road” atau “berfikir di jalanan” di mana dia memperlihatkan kebolehan mengubah tingkahlakunya dengan berfikir sendiri tanpa bantuan masyarakat tempatan.

Puisi-puisi dalam koleksi ini banyak mengetengahkan kebolehan persona melakukan aktiviti secara sendiri. Dalam puisi “i’m going into the night” atau “aku akan ke waktu malam”, watak itu mempamerkan agensi diri dengan jelas melalui kata-kata ini: “i recognise my shape” atau “aku mengiktiraf bentuk diriku”. Kebolehan persona memberi pengiktirafan pada dirinya sendiri mempamerkan agensi diri yang ketara. Dalam konteks itu, walaupun watak itu keseorangan dan tidak mempunyai teman, dengan harga diri yang mantap dia lebih yakin untuk mengiktiraf dirinya. Hal ini penting seperti mana diulas oleh Peter Caws (1994) bahawa untuk mencapai identiti yang menyeluruh seseorang itu perlu mempuai apresiasi peribadi yang sihat (“healthy self-knowledge”). Watak dalam koleksi ini menonjolkan kebolehan memberi pengiktirafan peribadi yang membolehkan dia mencapai aspirasi peribadi.

Kesimpulan

Perbincangan di dalam makalah ini adalah lanjutan dari diskusi

awal mengenai persona koleksi *Time and Its People* yang mana kepentingan budaya individu telah dikenalpasti. Namun apa yang perlu disedari adalah kepentingan individu perlu diberi tempat dalam hidup seseorang, walaupun begitu ia perlu diimbangi dengan kepentingan komuniti seperti yang telah diutarakan oleh teoris budaya termasuk Appiah (2000) dan Barber (1998). Perbincangan ini telah mengetengahkan tiga aspek individu yang terserlah dalam penulisan awal Muhammad. Ketiga-tiga aspek ini – kesedaran diri, harga diri dan agensi diri penting dalam memberi satu peninjauan komprehensif siapa itu persona awal Muhammad Haji Salleh.

Artikel ini menekankan kepentingan individu walaupun pada zahirnya ciri-ciri individu ini tidak membantu secara langsung dalam pembentukkan sesebuah komuniti. Namun apa yang pasti ketiga-tiga aspek – kesedaran diri, harga diri dan agensi diri adalah kritis dalam mengukuhkan pembinaan identiti seseorang. Sebelum watak ini dapat membantu komunitinya, dia terlebih dahulu wajar mengenal dirinya dan mencari serta mengukuhkan identitinya, tidak kira dalam apapun persekitaran yang didiaminya.

Rujukan

- Buber, M. 1988. *The Knowledge Of Man. Selected Essays*. Atlantic Highlands, New Jersey: Humanities Press International, Inc.
- Caws P 1994. Identity: Cultural, Transcultural and Multicultural Dalam D T Goldberg (peny) *Multiculturalism: A Critical Reader* London: Blackwell Halaman 371-387.
- D'Cruz, J.V. & W. Steel, 2000. *Australian's Ambivalence Towards Asia: Politics, Literature, and Post-colonialism*. Bangi: UKM Press.
- Fadillah Merican 2003 An Interview with Muhammad Haji Salleh Dalam Zawiah Yahya (peny). 2003. *Critical Perspectives on Muhammad Haji Salleh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Halaman 12-32.
- Goldberg D T (peny) *Multiculturalism: A Critical Reader* London:

- Blackwell Friedman, M. 1976. *Martin Buber The Life of Dialogue*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Noraini Md. Yusof. 2003. "Chronicles of the Traveller in Muhammad Haji Salleh's Time and Its People." Dalam Zawiah Yahya (peny.). 2003. *Critical Perspectives on Muhammad Haji Salleh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Halaman 54-70.
- Muhammad Haji Salleh 1978 *Time and Its People*. Kuala Lumpur: Heinemann educational Books (Asia) Ltd.
- Raihanah Mohd. Mydin & Vin D'Cruz 2003 "The Cosmopolitanism of an Early Muhammad Haji Salleh and the Quest for a Foundational Imaginary Home." Dalam Zawiah Yahya (peny.). 2003. *Critical Perspectives on Muhammad Haji Salleh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Halaman 35-53.
- Raihanah Mohd Mydin. 2008. *Constructs of Identity in Multiculturalism: Personhood, Ethnicity and Nationhood In Malaysian Literature*. Tesis PhD Universiti Malaya.
- Ruzy Suliza Hashim. 2010. "Exploring the Myth of the Prodigal Son in Malaysian-Singaporean Literature: The Case of Three Poets." *CRNLE Journal Special Issue*. Halaman 158-169.
- Ruzy Suliza Hashim & Shahizah Ismail Hamdan. 2006. "Ikhtiar Wanita: A Multidisciplinary Reading of Female Agency in Pre-Independence Malay Novels." Dalam Shanta Nair-Venugopal, Khazriyati Salehuddin, Shanthini Pillai & Vanjuree Sriadulpan. 2006. *Writing the Past into the Present: Reflections of 35 years of Scholarship in Language and Literary Studies*. Bangi: Penerbit UKM. Halaman 319-329.
- Zawiah Yahya. 2003. "Si Tenggang's Homecoming: Negotiating Tradition and Modernity." Dalam Zawiah Yahya (peny.). 2003. *Critical Perspectives on Muhammad Haji Salleh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Halaman 71-85.
- Zawiah Yahya (peny.). 2003. *Critical Perspectives on Muhammad Haji Salleh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.